

Program Ikon Usahawan latih graduan USIM

BAKAL USAHAWAN. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Dewan Amal Islam Hadhari (DAMAI) di Nilai telah menganjurkan Program Ikon Usahawan bagi melatih graduan untuk menjadi usahawan.

Pelaksanaan program tersebut merupakan satu usaha untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa mengenai peluang dan ruang kerjaya dalam bidang keusahawanan yang terdapat di negara ini.

Antara objektif program itu adalah untuk memperluaskan jaringan perhubungan kepada mahasiswa mengenai peluang kerjaya dan melahirkan usahawan-usahawan daripada mahasiswa demi mengharungi arus globalisasi semasa.

Program yang julung-julung kalinya diadakan itu telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DAMAI, Amran Zakaria.



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa USIM yang menyertai program Ikon Usahawan di Nilai, Negeri Sembilan kelmarin.